



**KENYATAAN AKHBAR
MAJLIS PENYAMPAIAN SIJIL BAGI KURSUS ASAS PEMANDU PELANCONG
BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**Sabtu, 20hb April 2019, 4.00 petang
Dewan Setia Pahlawan,
Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan**

Kementerian Sumber – Sumber Utama dan Pelancongan melalui Jabatan Kemajuan Pelancongan sekali lagi telah mengendalikan Kursus Asas Pemandu Pelancong di Negara Brunei Darussalam. Kursus Asas Pemandu Pelancong ini merupakan usaha Jabatan Kemajuan Pelancongan untuk meningkatkan dan memantapkan lagi kemahiran pemandu pelancong di Negara ini agar perkhidmatan yang diberi adalah berkualiti dan memenuhi kehendak piawaian yang telah ditetapkan. Selain itu ianya juga bertujuan untuk menyelaras maklumat dan informasi yang disalurkan oleh setiap pemandu pelancong adalah tepat dan betul di samping membuka peluang-peluang perkerjaan yang boleh dimanfaatkan oleh penduduk tempatan khususnya di kalangan belia-belia di Negara ini.

Kursus Asas Pemandu Pelancong dikendalikan dengan kerjasama *Laksamana College of Business*, institusi yang telah dilantik dimana seramai 17 orang Pemandu Pelancong yang telah lulus pemeriksaan secara teori dan pratikal. Penyampaian sijil telahpun diadakan pada 20hb April 2019 bertempat di Dewan Setia Pahlawan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan. Hadir bagi menyempurnakan penyampaian sijil tersebut ialah Yang Mulia Awang Wardi bin Haji Mohammad Ali, Timbalan Setiausaha Tetap (Pelancongan), Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Sejak kursus ini mula diperkenalkan pada tahun 2016 yang lalu seramai 181 orang pemandu pelancong yang berdaftar di Jabatan Kemajuan Pelancongan telah mengikuti kursus asas pemandu pelancong tersebut. Kursus ini merupakan sebagai salah satu pra syarat Jabatan Kemajuan Pelancongan untuk mendapatkan lesen Pemandu Pelancong di Negara ini.

Peserta-peserta kursus juga turut didedahkan dengan berbagai teknik kemahiran asas praktikal dan teori tentang tatacara sebagai pemandu pelancong, pengenalan destinasi-destinasi utama pelancongan dan tempat-tempat menarik termasuk pengenalan berhubung industri pelancongan di Negara ini.

Bagi pemandu pelancong yang telah lulus kursus asas Pemandu Pelancong, adalah dikehendaki untuk menghadapkan permohonan ke Jabatan Kemajuan Pelancongan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan bagi mendapatkan Lesen Pemandu Pelancong. Adalah menjadi kesalahan bagi mana-mana pihak persendirian yang mengendalikan perkhidmatan Pemandu Pelancong tanpa lesen yang sah dimana mereka boleh dikenakan denda mengikut peraturan 21 di bawah Perintah Pelancongan, 2016 iaitu:

- i) Bagi kesalahan pertama, denda tidak melebihi \$5,000 dan ii) bagi kesalahan kedua dan seterusnya denda akan dikenakan tidak melebihi \$10,000.



Pada mengambil kira pertumbuhan industri pelancongan di Negara Brunei Darussalam, kerjaya sebagai seorang Pemandu Pelancong adalah sangat – sangat diperlukan memandangkan ianya memainkan peranan dan tugas yang penting dalam memastikan maklumat yang ingin disampaikan adalah tepat dan mudah di fahami. Selain itu, ianya akan dapat meningkatkan lagi kualiti perkhidmatan yang diberikan.

Kursus seterusnya akan diadakan pada Jun dan September 2019. Untuk sebarang pertanyaan dan pendaftaran bolehlah menghubungi *Laksamana College of Business*.

- **Tamat** -